'Persaraan Datuk Hussein dirasakan seluruh anggota tentera'

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat — Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Datuk Mohd Ghazali Mohd Seth menegaskan persaraan Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan begitu dirasakan oleh seluruh anggota angkatan tentera.

Dalam satu kenyataan sempena barisan perpisahan dan mengucap selamat berpisah kepada Datuk Hussein di Pangkalan TUDM di sini hari ini, Jeneral Datuk Mohd Ghazali berkata perbarisan khas oleh 3,000 anggota dari tiga perkhidmatan tentera itu adalah simbolik kepada apa yang dirasakan itu.

"Ini bukanlah kerana beliau seorang Menteri Pertahanan saja, tetapi juga seorang Perdana Menteri yang memimpin negara, yang melihat keperluan angkatan tentera dalam seluruh keperluan negara," tegas beliau.

Sambil memuji kepimpinan Datuk Hussein, Jeneral Tan Sri Datuk Mohd Ghazali berkata melalui kedua-dua jawatan yang disandang itu Datuk Hussein telah menunjukkan suatu contoh kepimpinan tegas dan lurus.

Katanya, angkatan tentera berkembang pesat di bawah pimpinan Datuk Hussein yang memahami kepertuan dan masalahnya.